

**Perhimpunan Pemimpin Belia Cina Kebangsaan Platform Terbaik Suarakan
Pendapat
Bernama
7 Ogos, 2012**

KUALA LUMPUR, 7 Ogos (Bernama) -- Perhimpunan Pemimpin Belia Cina Kebangsaan kali ke-4 yang dianjurkan Persatuan Belia Cina Xiang Lian Malaysia merupakan platform terbaik bagi belia kaum Cina menyuarakan pendapat mereka dalam pelbagai isu serta berpeluang berinteraksi dengan pemimpin politik serta badan bukan kerajaan.

Timbalan Presiden Persatuan Belia Cina Xiang Lian Malaysia, Ong Leong Chiou berkata, perhimpunan yang mendapat sokongan daripada Kementerian Belia dan Sukan itu akan diadakan pada 30 Ogos hingga 1 September ini bertempat di MH Hotel dan Residences, Cheras dengan sasaran seramai 100 peserta.

Katanya, perhimpunan yang dilancarkan pada tahun 2008 itu selain membincangkan pelbagai isu seperti ekonomi, pendidikan dan sosial, sesi dialog turut diadakan bersama beberapa pemimpin politik bagi memberi peluang kepada belia Cina berinteraksi dengan pemimpin.

"Selain berinteraksi dengan pemimpin politik serta NGO (Pertubuhan Bukan Kerajaan), kami juga turut menjemput pengulas politik serta penulis blog bagi membincangkan status belia Cina dalam proses politik.

"Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohd Khaled Nordin turut dijemput untuk menyertai sesi dialog bersama dengan peserta perhimpunan itu bagi membincangkan isu serta masalah yang dialami mahasiswa Cina pada masa kini khususnya di institusi pengajian tinggi tempatan," katanya kepada Bernama Selasa.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=686224>

